




Tatakelakuan



Tatakelakuan Pembekal Halton

Oy Halton Group Ltd. dan gabungannya ("Halton") komited terhadap standard etika yang tinggi dan menggalakkan budaya kemapanan di kalangan pembekal, rakan kongsi, pengedar dan wakilnya. Tatakelakuan Pembekal ini merangka tentang jangkaan minimum mengenai prinsip etika dan amalan perniagaan untuk semua pembekal Halton.

1. Mematuhi undang-undang dan peraturan

Pembekal akan mematuhi undang-undang, perintah dan peraturan antarabangsa dan tempatan yang terpakai.

2. Menghormati hak asasi manusia dan syarat tenaga kerja

Pembekal akan menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan memastikan syarat tenaga kerja yang adil. Pembekal akan mengekang sebarang gangguan dan diskriminasi yang berlandaskan bangsa, warna, umur, jantina, orientasi seksual, asal etnik, ketidakupayaan, kehamilan, agama, hubungan politik, keahlian kesatuan atau status perkahwinan dalam semua amalan pekerjaan, dan akan menghormati kebebasan pekerja untuk bersatu dan membuat perundingan kolektif. Pembekal tidak akan menggunakan sebarang jenis tenaga kerja paksa dan kanak-kanak (terma "kanak-kanak" di sini merujuk kepada seseorang di bawah umur minimum yang sah untuk bekerja sebagaimana ditentukan oleh undang-undang dan peraturan tempatan). Pembekal juga akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai mengenai jam bekerja maksimum, gaji minimum dan unsur pampasan lain.



3. Pengendorsan terhadap standard kesihatan dan keselamatan pekerjaan

Pembekal akan menyediakan tempat yang sihat dan selamat untuk kepada para pekerjaannya, sekurang-kurangnya memantapkan prosedur yang memadai bagi mencegah dan mengawal hazard kecemasan dan pekerjaan, dan pekerja boleh mendapatkan air minuman, kemudahan sanitari, pengalihudaraan dan pencahayaan yang memadai tanpa halangan yang ketara.

4. Berpegang teguh kepada standard etika

Pembekal akan terlibat dalam amalan perniagaan yang sah, beretika dan telus sahaja dan merekod semua urusan niaga perniagaan dengan tepat. Pembekal akan berpegang teguh kepada semua undang-undang yang mengawal selia amalan bersaing, dan tidak akan terlibat dalam sebarang jenis rasuah, pemerasan, sogokan atau penawaran hadiah atau keraian yang ekstensif kepada sekutu Halton. Sebarang kemungkinan konflik kepentingan mesti dilaporkan dengan segera kepada Halton. Pembekal juga mesti melindungi hak harta intelek dan sebarang maklumat sulit yang diberikan oleh Halton dan rakan niaganya dengan perlindungan yang sesuai.

5. Komitmen terhadap tanggungjawab persekitaran

Pembekal komited terhadap perlindungan persekitaran dan akan menyetujui usaha untuk memantau dan meminimumkan sisa buangan, emisi, dan penggunaan sumber-sumber terbatas (termasuk tenaga, air dan bahan mentah). Tambahan lagi, Pembekal akan berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan keperluan Halton yang terpakai mengenai larangan dan sekatan terhadap bahan tertentu.

6. Komitmen terhadap pengurusan

Pembekal akan memelihara sistem pengurusan bagi memastikan risiko perniagaan dapat dikenal pasti dan dikurangkan dengan secukupnya, dan memastikan supaya undang-undang, peraturan dan keperluan Halton yang terpakai berkenaan Kod ini, operasi dan produk Pembekal dipatuhi. Pembekal juga akan berikhtiar untuk terus memperbaiki prestasi etika yang dinyatakan dalam Kod ini dan kompeten untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang berwibawa, inovatif serta kos efektif kepada Halton.

7. Penerapan kepada sub-pembekal

Pembekal akan memastikan supaya pembekalnya sendiri akan mematuhi Kod ini, dan mendapatkan pengesahan pematuhan daripada sub-pembekal jika diminta. Jika alat ganti atau produk yang dibekalkan kepada Halton oleh Pembekal mengandungi timah, tantalum, tungsten atau emas, Pembekal itu mesti memastikan penyumberan bahan-bahan tersebut dilakukan secara bertanggungjawab dengan melaksanakan dasar Galian Konflik yang melarang pembelian dan penggunaan galian yang membiayai konflik.

8. Pemantauan terhadap pematuhan

Pembekal akan memantau pemantauan terhadap Tatakelakuan ini, dan segera memberikan maklumat kepada Halton tentang sebarang aktiviti, yang mungkin melanggar pematuhan. Jika diminta, Pembekal juga akan memberikan dokumen mengenai sebarang unsur yang disenaraikan di dalam Tatakelakuan kepada Halton, dan membenarkan Halton atau individu yang dibenarkan oleh Halton untuk menjalankan pemantauan pematuhan, termasuk audit lapangan pada tarikh dan masa yang dipersetujui bersama.

9. Kejadian pelanggaran

Sekiranya terjadi pelanggaran, Pembekal mesti mengemukakan pelan tindakan pembetulan kepada Halton, yang mesti dilaksanakan dan didokumenkan dalam rangka masa tertentu. Pembekal akan mengakui bahawa Halton boleh memutuskan hubungannya dengan pembekal yang gagal mematuhi Tatakelakuan ini. Jika Pembekal atau mana-mana individu atau kumpulan lain mempunyai alasan untuk percaya, bahawa sebarang aspek yang tersenarai di dalam Tatakelakuan Pembekal Halton telah dilanggar, ia boleh dilaporkan secara sulit sama-sekali kepada:

Halton Fair Play Forum

Halton
Fair play forum
Corporate Communications
Firdonkatu 2 T 146 Tripla Workery West
FI-00520 Helsinki
Finland

Tatakelakuan Pembekal ini menggambarkan nilai murni Halton dan Tata kelakuan Halton, dan berlandaskan prinsip-prinsip yang diwujudkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan inisiatif Kompak Global Bangsa-Bangsa Bersatu.



Halton

Enabling Wellbeing